

Tarikh: 4 Sept 2026

ICI Ref: M001C/21-6 Keck Seng (Malaysia) Berhad – Greenview Plantations Sdn Bhd MSPO RA-01

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Pengauditan MSPO Penilaian Pengesahan Semula (RA-01) ke atas Keck Seng (Malaysia) Berhad – Greenview Plantations Sdn Bhd, Masai, Johor, Malaysia

Keck Seng (Malaysia) Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Greenview Plantations Sdn Bhd bagi memenuhi keperluan *Malaysian Sustainable Palm Oil Standards series, MS 2530-2-1:2022 Part 2-1 General Principles for Independent Smallholders*.

Intertek Certification International merancang untuk menjalankan pengauditan MSPO Penilaian Pengesahan Semula (RA-01) bagi Greenview Plantations Sdn Bhd on 9 Oktober 2026.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan MSPO secara berterusan dan bagi mendapatkan maklumbalas, Intertek Certification International ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian Keck Seng (Malaysia) Berhad,- Greenview Plantations Sdn Bhd. Unit bagi pensijilan ini terletak di Masai, Johor.

Secara ringkasnya, Keck Seng (Malaysia) Berhad adalah sebuah syarikat tersenarai awam di Papan Utama Bursa Malaysia dan salah satu daripada aktivitiya adalah pengeluaran minyak sawit bersepadu. Keck Seng (Malaysia) Berhad memiliki dan mengendalikan satu kilang minyak sawit (Unit Pengurusan Ladang) dan 10 ladang di Malaysia.

Butiran lanjut ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

Unit Operasi	Lokasi	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Greenview Plantations Sdn Bhd	9 Miles, Kong Kong Road, 81757 Masai, Johor, Malaysia.	N 1°34'18.9"	E 103°58'55.9"

Nama Ladang	Alamat	Latitud	Longitud	Kawasan*		Penghasilan Tahunan BTS (Ton)*
				Jumlah (Ha)	Ditanam (Ha)	
Greenview Plantations Sdn Bhd	9 Miles, Kong Kong Road, 81757 Masai, Johor, Malaysia.	N 1°34'18.9"	E 103°58'55.9"	5.26	5.07	110.00

Intertek Certification International Sdn Bhd [dahulu dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd] adalah sebahagian daripada Kumpulan Intertek, yang merupakan organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO P&C, RSPO SCC, ISCC, MSPO, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.



Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai:

- **Ketua Penilai**
 - En. Mohd Nur Amin Mohd Halim (Kilang Kelapa Sawit, Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan, Alam Sekitar dan HCV / Konservasi Amalan Pertanian yang Baik, Pengurusan Perosak Bersepadu, Gunatanah dan Rantaian Perolehan di Kilang)
- **Penilai**
 - En. Mohd Hafiz Mat Hussain (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Alam Sekitar dan HCV / Konservasi)
 - Cik. Khoo Yah Hui (Temuduga Stakeholder, Aspek Undang-Undang, Sosial, Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Peluang pekerjaan
- Lain-lain hal berkaitan dengan penilaian
- Pemeliharaan biodiversiti
- Pembangunan komuniti

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

En. Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Scheme Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
D-28-3, Level 28, Menara Suezcap 1
No. 2, Jalan Kerinchi, Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7931 0032 Fax: 03-7931 0419
Email: mohdhafiz.mathussain@intertek.com

En. Teo Aik Chong
Mill Manager
Keck Seng (Malaysia) Berhad
9 Miles, Kong Kong Road,
81757 Masai, Johor, Malaysia.
Tel: 607-255 1111
Fax: 607-255 5117
Email: teoac@keckseng.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,

Mohd Hafiz Mat Hussain
MSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd